



08 MAY, 2024

Azrai sedia ganti tempat Faizal

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



MUHAMMAD Azrai

Azrai sedia ganti tempat Faizal

Ipoh: Penyerang skuad hoki negara, Muhammad Azrai Aizad mengakui sudah bersedia untuk menggantikan tempat Faizal Saari selaku penyerang utama skuad hoki negara.

Azrai yang menjadikan Faizal selaku idolanya sejak remaja berkata, dia sudah mempersiapkan dirinya daripada sekarang untuk mengikut jejak langkah penyerang veteran berusia 33 tahun itu.

“Saya memang amat menghormati Faizal sebagai penyerang utama dan dia adalah idola saya sejak kanak-kanak.

“Sekarang saya berpeluang untuk bergandingan dengannya dan akan cuba belajar banyak lagi daripadanya.

“Nanti apabila dia sudah bersara, dia tak perlu

risau sebab saya boleh ambil alih tempatnya,” katanya.

Jelas Azrai, sejak bergandingan bersama Faizal bermula 2019, banyak perkara dipelajarinya daripada penyerang sensasi itu, yang dilihat sudah menghampiri penghujung kariernya.

“Masa tahun pertama bermain bersamanya saya memang ada rasa gementar.

“Tapi sekarang selepas berpuluh kap dan selalu beraksi bersama dia, saya sudah tak ada rasa perasaan seperti itu, sudah macam kawan-kawan.

“Daripada hubungan kawan itulah kami dapat bentuk gandingan lebih padu,” kata pemain yang beraksi untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Liga Hoki Malaysia (MHL) itu.